

PERATURAN SEBAB-MUSABAB DI SEBALIK SESUATU PERISTIWA: TINJAUAN KHUSUS TERHADAP KEBANGKITAN DAN KEJATUHAN MASYARAKAT

Oleh: Mansor Bin Sulaiman (UMP)
mansor@ump.edu.my

Abstrak

Tulisan ini cuba menghuraikan peraturan di sebalik kebangkitan dan kejatuhan masyarakat manusia sepertimana yang dipaparkan dalam al-Quran. Peraturan tersebut dikenali sebagai peraturan sebab dan musabab, sama sepertimana yang ditemui dalam ilmu usul fiqh dalam bahagian hukum wad'ie. Walaupun begitu, penulisan ini lebih mengutarakan peraturan ini menurut perspektif peraturan di sebalik berlakunya sesuatu peristiwa di alam ini dan bukan menurut perspektif hukum fiqh. Oleh kerana itu, analisis yang dilakukan hanyalah meliputi nas-nas al-Quran berkaitan masyarakat silam dan bukan nas-nas berkaitan hukum. Di samping itu, penulis juga akan mengukuhkan analisis tersebut dengan dapatan-dapatan daripada kajian-kajian berkaitan masyarakat silam seperti tulisan Ibn Khaldun, Arnold Toynbee dan Malek Bennabi. Seterusnya hasil dapatan ini akan dikaitkan dengan realiti di sebalik kebangkitan dan kejatuhan masyarakat hari ini. Akhirnya diharapkan tulisan ini dapat menyumbang kepada jawapan khususnya kepada golongan pendidik berkenaan persoalan apakah ramuan yang diperlukan untuk membangunkan masyarakat yang berperwatakan manusia yang berjaya serta mengelak daripada perwatakan manusia yang gagal sepertimana diperolehi dalam kajian ini.

1.0 PENDAHULUAN

Kebangkitan dan kejatuhan sesebuah masyarakat bukanlah berlaku secara spontan, bahkan terdapat suatu peraturan yang ditentukan Allah di sebalik segala peristiwa tersebut. Berhubung perkara ini, al-Quran telah memberikan kepada kita panduan berkenaan persoalan ini menerusi penjelasan suatu peraturan yang ditentukan Allah di sebalik setiap sesuatu yang berlaku di alam ini. Peraturan ini dikenali sebagai peraturan sebab dan musabab. Justeru kertas kerja ini akan mengupas persoalan sebab dan musabab ini dalam konteks kebangkitan dan kejatuhan sesebuah masyarakat serta mengutarakan kaedah-kaedah bagi membentuk masyarakat yang sepatutnya berdasarkan peraturan ini.

2.0 KONSEP SEBAB DAN MUSABAB

2.1. DEFINISI SEBAB DAN MUSABAB

Maksud sebab dari sudut bahasa adalah “*ibarat kepada sesuatu yang memungkinkan dengannya menyampaikan kepada maksud yang tertentu*”. Antara contoh yang dikira sebab dalam Bahasa Arab ialah tali dan jalan. Kedua-duanya disebutkan begitu disebabkan kedua-duanya boleh digunakan untuk menyampaikan kepada maksud yang tertentu. Manakala *musabab* pula merupakan hukum yang lahir disebabkan kewujudan sebab tersebut (Ibrahim, 1999: 285). Dari sudut istilah *Usul Fiqh*, *sebab musabab* bermaksud “*setiap sifat yang zahir dan tepat (mundhabit) yang mana dalil sam'ie menunjukkan bahawa sebab tersebut berperanan sebagai penunjuk (mu'arrif) kepada hukum syara*” (Al-Amidi, 1980: 181)

2.2. SEBAB MUSABAB MENURUT PERSPEKTIF ILMU USUL FIQH

Dalam perbahasan ilmu *Usul Fiqh*, sebab dan musabab ini merupakan hukum yang diputuskan oleh Allah berdasarkan kepada kewujudan hubungan antara dua perkara (yang telah ditentukan oleh Allah) yang ada hubungan dengan *mukallaf*. Sebagai contohnya hubungan antara hukum pewarisan dengan kematian seseorang. Dalam perkara ini, kematian seseorang itu menjadi sebab kepada pewarisan harta kepada mereka yang berkenaan (Abu Zahrah, 1957: 26) Selain daripada itu, hubungan antara sebab dan musabab ini secara umumnya berlaku apabila syarat-syarat yang berkaitan dengan sebab tersebut wujud dan dalam masa yang sama tiada halangan yang menghalang fungsi sebab tersebut. Contohnya, makan merupakan sebab kepada wujudnya rasa kenyang dan dalam masa yang sama ia memenuhi keperluan tubuh serta memastikan kelangsungan kehidupan. Walaupun begitu, kesemua natijah yang disebutkan itu hanya berlaku dengan syarat sistem pemakanan dan penghadaman tubuh berfungsi dengan baik bagi menerima dan mengambil manfaat daripada makanan tersebut. Di samping itu, dalam masa yang sama tiada halangan yang menghalang sistem badan tersebut daripada menjalankan peranannya dalam proses penerimaan makanan tersebut (Zaidan: 28-29)


Seterusnya, dari sudut konsep asasnya dalam ilmu usul fiqh, ia mempunyai hubungan yang sangat erat dengan persoalan Tauhid. Ia boleh dilihat antaranya menerusi kenyataan al-Syatibi (1969: 127-129) yang telah mengkaitkan *musabab* dengan kehendak Allah, iaitu Allah bertujuan memastikan *musabab* berlaku melalui sebab-sebabnya yang berkenaan, disebabkan itu sebab-sebab ditaklifkan kepada manusia berbanding *musabab*. Ini adalah disebabkan *musabab* itu sendiri adalah perkara yang hanya dalam ketentuan Allah serta merupakan suatu yang di luar kemampuan manusia untuk memastikan ia terjadi. Prinsip dalam ilmu usul fiqh sendiri menetapkan tiada taklifan terhadap perkara di luar kemampuan manusia (al-Syatibi: 123-125). Perkara ini disebutkan oleh Ibnu al-Qayyim sebagai isyarat yang ditunjukkan Allah kepada makhluk berkenaan kebijaksanaanNya yang menghubungkan antara sebab dan musabab dalam setiap kejadian.

3.0. PERATURAN SEBAB MUSABAB DI SEBALIK SESUATU PERISTIWA MENURUT AL QURAN

3.1. KELUASAN SKOP PERATURAN SEBAB MUSABAB MENURUT AL QURAN

Terdapat banyak ayat al-Quran yang menjelaskan tentang peraturan ini. Antaranya, al-Quran menunjukkan bahawa setiap sesuatu berlaku dengan sebab yang tertentu sama ada berkaitan benda, tumbuhan, haiwan, manusia dan sebagainya. Salah satu penjelasan al-Quran berkenaan perkara ini boleh dilihat menerusi nas berkenaan pemberian petunjuk kepada manusia yang melakukan sebab-sebab yang membawa kepada petunjuk sepertimana firman Allah dalam ayat 29, Surah al-Anfal, bermaksud; “*Hai orang yang beriman, jika kamu bertaqwa kepada Allah, nescaya Dia akan memberikan kepadamu furqan (petunjuk yang membezakan hak dan batil) dan menghapuskan segala kesalahan-kesalahanmu dan mengampuni (dosa-dosamu). Dan Allah mempunyai kurnia yang besar*”.

Penjelasan lain berkenaan perkara ini boleh ditemui dalam nas-nas berkenaan umat yang telah ditimpa kehancuran dan kemusnahan menerusi keterangan al-Quran tentang jenayah, kerosakan dan penyelewengan yang telah mereka lakukan sebelum berlakunya kemusnahan tersebut. Antara mesej daripada nas-nas ini adalah bahawa apa-apa yang menimpa manusia sama ada baik atau buruk, terdapat sebab di sebaliknya, yang antara lainnya adalah disebabkan apa-apa yang telah mereka lakukan sebelum itu. Salah satu nas tersebut adalah firman Allah seperti berikut:



Maksudnya:

“Telah nampak kerosakan di darat dan di laut disebabkan kerana perbuatan tangan manusia, supaya Allah merasakan kepada mereka sebahagian dari (akibat) perbuatan mereka, agar mereka kembali (ke jalan yang benar)”

(al-Qurān; al-Rūm: 41)

Berdasarkan kepada perkara di atas, al-Quran menunjukkan bahawa peraturan sebab dan musabab ini bukan sekadar berlegar dalam lingkungan penentuan hukum-hakam dalam fiqh semata-mata. Ia menjangkau sehingga kepada setiap peristiwa yang berlaku dalam kehidupan manusia.

3.2. NAS-NAS AL QURAN BERKAITAN SEBAB MUSABAB DI SEBALIK KEJATUHAN DAN KEBANGKITAN MASYARAKAT

Terdapat banyak nas berkaitan persoalan ini, walaupun begitu di bawah ini diutarakan beberapa nas sahaja berdasarkan kepada mesej utama yang dikemukakan al-Quran berhubung perkara ini. Antara perkara tersebut adalah:


I. KEJAYAAN MANUSIA MEMPUNYAI SEBAB-SEBAB YANG MEMBAWA KEPADA KEJAYAAN TERSEBUT

Al-Quran menunjukkan bahawa kejayaan manusia bukan berlaku secara spontan tetapi adalah didahului dengan tindakan mereka melakukan sebab-sebab yang membawa kepada kejayaan tersebut. Sebagai contohnya penjelasan al-Qurān berkenaan kejayaan Zulkarnain mencapai kemenangan demi kemenangan bertitik-tolak daripada ilmu berkenaan sebab-sebab (*ilmu bi al-^ʿasbāb*) yang telah dianugerahkan Allah kepadanya seperti diterangkan dalam ayat ke 83 hingga 97 daripada Surah al-Kahfi. Sebab dalam ayat-ayat ini seperti dinyatakan oleh Ibnu ^ʿAbbās (al-Qurtubi, 1987, j.11: 48) adalah sebagai ilmu yang menjadi sebab kepada mendapat sesuatu yang dikehendaki. Manakala Sayyid Qutb (1992, j.4: 2290-2291) menyatakan sebab di atas sebagai sebab dalam bentuk hukum, pembukaan (kota), pembinaan bandar dan bangunan, kekuasaan serta kemewahan dan segala perkara yang dapat memperkukuhkan kedudukan manusia dalam kehidupan dunianya.

II. KEHANCURAN MANUSIA DISEBABKAN MEREKA MELAKUKAN SEBAB-SEBAB YANG MEMBAWA KEHANCURAN.

Al-Quran juga menunjukkan bahawa kehancuran umat dan tamadun silam bukan berlaku secara spontan tetapi adalah kerana mereka telah melakukan sebab-sebab yang membawa kepada kehancuran. Sebagai contoh, ‘Abd al-Salām Ibnu Nasr Allah al-Sharīf dalam kitābnya *Sunnatullah Fī ‘Iqāb al-Umam Fī al-Qurān*, telah mengumpul sebanyak 30 bentuk kehancuran dan siksaan beserta faktor-faktor penyebabnya terhadap manusia melalui penjelasan al-Qurān. Dalam perkara ini, kehancuran ini merupakan *musabbab* manakala faktor-faktor yang membawa kepada kehancuran tersebut merupakan sebab kepada *musabbab* tersebut.

Sebab yang menghancurkan umat silam ini sepertimana dijelaskan dalam al-Qurān secara umumnya adalah perlakuan kerosakan bersifat menyeluruh dalam masyarakat dan bukan kerosakan secara individu yang tidak memberi kesan terhadap masyarakat umum. Selain itu, kerosakan ini tidak terbatas kepada kerosakan yang dilakukan oleh golongan kafir semata-mata tetapi ia juga meliputi golongan muslim dengan syarat mereka melakukan sebab-sebab yang membawa kepada kehancuran tersebut. Perkara ini dijelaskan Allah dalam Surah Hūd ayat ke 117:



Maksudnya:


“Dan Tuhanmu sekali-kali tidak akan membinasakan negeri-negeri secara zalim, sedangkan penduduknya orang-orang yang berbuat kebaikan”

al-Qurṭūbī (1987, j.9: 114) mentafsirkan ayat ini dengan maksud Allah tidak akan membinasakan ahli sesebuah bandar disebabkan syirik atau kekufuran mereka sedangkan dalam masa yang sama keadaan masyarakatnya hidup dalam keadaan saling memberikan hak antara sesama sendiri. Ia bermaksud bahawa Allah tidak akan menghancurkan masyarakat dalam sesebuah penempatan disebabkan kekufuran mereka semata-mata melainkan apabila telah banyak kerosakan berlaku dalam masyarakat tersebut. Contohnya sepertimana Allah menghancurkan kaum Shu‘aib disebabkan kegiatan menipu dalam neraca timbangan dan kaum Lūt dihancurkan kerana kegiatan liwat di kalangan mereka. Kesemua ini menunjukkan bahawa maksiat lebih dekat kepada mendatangkan azab yang menghancurkan di dunia berbanding jenayah syirik. Walaupun antara keduanya, jenayah syirik lebih berat azabnya di akhirat.

III. SEBAB-SEBAB TERTENTU DISEDIAKAN ALLAH KEPADA MANUSIA SEBELUM KEJAYAAN ATAU KEHANCURAN TAMADUN

al-Qurān menjelaskan bahawa dalam perjalanan kehidupan sesebuah masyarakat, terdapat pelbagai sebab yang disediakan Allah untuk manusia berinteraksi dengannya. Sebab-sebab yang disediakan Allah ini merupakan kerangka perencanan Allah agar

manusia memilih sebab-sebab yang dapat membawa mereka mengikut acuan Allah serta menjauhkan daripada sebab-sebab yang membawa mereka kepada terjerumus ke jalan yang salah. Antara nas tersebut adalah firman Allah:




Maksudnya:

“Kami tidaklah mengutus seseorang nabi pun kepada sesuatu negeri, (lalu penduduknya mendustakan nabi itu) melainkan Kami timpakan kepada penduduknya kesempitan dan penderitaan supaya mereka tunduk dan merendah diri. Kemudian Kami ganti kesusahan itu dengan kesenangan hingga keturunan dan harta mereka bertambah banyak, dan mereka berkata: “Sesungguhnya nenek moyang kami pun telah merasai penderitaan dan kesenangan”, maka Kami timpakan siksaan atas mereka dengan sekonyong-konyong sedang mereka tidak menyedarinya”

(al-Qurān; al-A^orāf: 94-95)

Ibnu Kathīr (1991, J. 1: 260) menyatakan bahawa ayat ini adalah penjelasan kepada kehancuran umat-umat silam yang disebutkan sebelum ini iaitu kaum Nabi Nuh, kaum Ad, kaum Thamūd, kaum Nabi Shu^oaib dan kaum Nabi Lūt. Nas di atas menunjukkan sebelum datangnya kehancuran, mereka terlebih dahulu diuji dengan kesusahan dalam bentuk yang pelbagai. Apabila mereka tidak memberikan tindak balas yang sepatutnya iaitu dalam bentuk merendah diri kepada Allah, lalu didatangkan kepada mereka ujian dalam bentuk kesenangan pula supaya mereka bersyukur terhadap segala nikmat yang diberikan Allah kepada mereka. Apa yang berlaku adalah mereka tidak mengambil iktibar daripada apa yang mereka hadapi itu malahan mengaitkan susah dan senang itu hanya sebagai sebahagian daripada rencam kehidupan semata-mata dan tiada kaitan dengan keperluan untuk kembali kepada jalan yang sepatutnya mereka lalui dalam kehidupan ini. Seterusnya Allah menjelaskan tindakan yang sepatutnya diambil oleh mereka iaitu beriman dalam erti kata sebenar bagi mengelakkan datangnya kehancuran dan diberikan kehebatan berganda lebih daripada apa yang telah berjaya mereka kecapai pada ketika itu. Walaupun begitu, sikap mereka ialah terus mengingkari kebenaran sehingga akhirnya mereka ditimpa kehancuran. Firman Allah:






Maksudnya:

“Jikalau sekiranya penduduk negeri-negeri beriman dan bertaqwa, pastilah Kami akan melimpahkan kepada mereka berkah dari langit dan bumi, tetapi mereka mendustakan (ayat-ayat Kami) itu, maka Kami siksa mereka disebabkan perbuatannya”

(al-Qurān; al-A^crāf: 96)¹

Perkara di atas menunjukkan bagaimana pertukaran kesusahan kepada kesenangan dalam kehidupan adalah sebahagian daripada perencanaan Allah agar manusia dapat kembali kepada jalan atau sebab-sebab kehidupan yang sepatutnya iaitu dengan menjadikan keimanan sebagai asas kepada kehidupan. Perkara ini dijelaskan Allah dengan lebih terperinci menerusi nasnya berkenaan keadaan yang menimpa Bani Isrā’il dalam bentuk susah dan senang² secara silih berganti yang bertujuan untuk membawa mereka kembali kepada kebenaran. Firman Allah:



Maksudnya:

“Dan Kami bagi-bagi mereka di bumi ini menjadi beberapa golongan; di antaranya ada orang-orang yang Ṣāliḥ dan di antaranya ada yang tidak demikian. Dan Kami cuba mereka dengan (nikmat) yang baik-baik dan (bencana) yang buruk-buruk, agar mereka kembali (kepada kebenaran)

(al-Qurān; Surah al-A^crāf: 168)

Berdasarkan keterangan di atas ia menunjukkan bagaimana silih berganti susah dan senang ini merupakan sebahagian daripada *tarbiyyah*(proses pendidikan) daripada Allah. Dalam ertikata lain, ia sebagai sebab-sebab yang disediakan Allah dalam kerangka membawa manusia kepada kehidupan yang sepatutnya.

4.0 PERATURAN SEBAB MUSABAB DI SEBALIK SESUATU PERISTIWA MENURUT PARA SARJANA

Secara umumnya, beberapa para sarjana yang mengkaji berkenaan kejatuhan dan kebangkitan masyarakat menyimpulkan bahawa terdapat peraturan yang tertentu di

¹ al-Qurṭūbī menyatakan bahawa nas ini khusus untuk golongan-golongan yang telah disebutkan sebelum ini dalam sūrah yang sama iaitu kaum Nuh, kaum ^cAd, Thamūd, kaum Nabi Shu^caib dan kaum Nabi Lūt. Ini adalah disebabkan ada kalanya golongan beriman akan diuji terlebih dahulu dengan kesempitan hidup sebelum diberikan kejayaan disebabkan kafarah kepada dosa-dosa mereka yang telah lalu. (al-Qurṭūbī, 1987, j. 7: 253)

² Ibnu Kathīr (1991, j.2: 289) menyatakan susah dan senang dalam ayat di atas bermaksud mereka diuji dengan senang, susah, gembira, takut, tenang dan bala daripada Allah.

sebalik kejatuhan dan kebangkitan sesebuah masyarakat. Daripada penelitian pengkaji, penemuan yang mereka temui itu begitu sinonim dengan persoalan sebab musabab yang dibicarakan di dalam kertas kerja ini. Secara umumnya, teori-teori di bawah menunjukkan bahawa perkembangan sesebuah masyarakat itu adalah berhubung kait dengan akhlak dan sikap masyarakat tersebut. Ia selari dengan kerangka konsep sebab dan musabab yang telah dijelaskan. Kesemua teori ini juga mengakui berkenaan kepentingan faktor agama atau aspek spiritual dalam menggerakkan perkembangan sesebuah masyarakat. Perubahan akhlak dan sikap dilihat bermula apabila faktor ini diketepikan dalam sesebuah masyarakat dan dalam masa yang sama faktor kebendaan mula menguasai diri mereka. Implikasi daripada keadaan ini adalah rosaknya diri manusia seterusnya membawa kepada kerosakan masyarakat. Berikut pandangan beberapa tokoh sarjana yang berkenaan:

4.1. IBN KHALDUN³

Ibn Khaldun mengutaran teori *asabiyyah* sebagai penolak kepada kejatuhan dan kebangkitan sesebuah masyarakat. Beliau melihat bahawa kesengsaraan pada peringkat awal pembinaan sesebuah kelompok masyarakat sebagai suatu yang mengukuhkan tahap *‘asabiyyah*⁴ di kalangan sesebuah masyarakat. Menerusi *‘asabiyyah* ini sesebuah masyarakat itu mengorak langkah ke arah kehidupan yang lebih bertamadun. Ia disebabkan *‘asabiyyah* ini bertindak melahirkan ciri-ciri tertentu yang sangat diperlukan dalam pembangunan tamadun seperti kesanggupan untuk bermandi darah, mempertahankan sesuatu yang perlu dipertahankan dan sanggup mati untuk sahabat mereka dan sebagainya. Perkara di atas menurut beliau, biasanya tidak diambil tahu oleh generasi baru yang telah melepasi era ini disebabkan telah lama berlalu masa itu dan mereka bersenang-senang dengan tamadun. Beliau berpandangan bahawa *‘asabiyyah* yang melahirkan akhlak-akhlak tertentu ini semakin pudar selari dengan jauhnya mereka daripada era *badwī* dan ciri-ciri utamanya serta dekatnya mereka dengan unsur-unsur *al-Tarf*⁵ yang dimiliki oleh golongan yang bertamadun. Sampai satu peringkat ia akan hilang terus dan serentak dengan itu akhlak-akhlak tersebut juga hilang dan digantikan dengan akhlak-akhlak tertentu terbitan daripada penyakit *al-Tarf* dan seterusnya membawa masyarakat ini kepada kehancuran (Ibn Khaldun, 1978: 61-70 / 178-227). Manakala pandangan beliau terhadap tamadun Islam pula, beliau berpandangan bahawa tamadun Islam ini bukan lahir secara spontan malahan bertitik-tolak daripada sebab-sebab tertentu iaitu antara lainnya ialah faktor agama. Beliau melihat bahawa faktor ini merupakan kekuatan tersendiri yang dimiliki oleh tamadun Islam pada ketika itu memandangkan kedudukannya terpisah daripada mana-mana pengaruh tamadun terdahulu atau pun yang semasa dengannya disebabkan faktor geografi dan iklim semasa. Seterusnya beliau juga

³ Beliau adalah ‘Abd Rahmān Ibn Muhammad Ibn Khaldūn, lahir di Tunisia pada 1350m dan meninggal dunia pada 1406. Merupakan tokoh yang tidak boleh diketepikan dalam kajian ini memandangkan antara lainnya beliau merupakan pelopor kepada kajian sejarah menggunakan metode analisis dan mengemukakan teori perkembangan kerajaan atau tamadun yang agak selari dengan konsep sunnah Allah sepertimana dibincangkan di atas.

⁴ Pengkaji mendapati bahawa *‘asabiyyah* yang diutarakan Ibnu Khaldūn merupakan kesatuan yang berpaksikan kelompok yang mempunyai pertalian darah seperti keluarga, kabilah atau kaum. Dengan kesatuan ini ia memberi kekuatan untuk lebih maju ke hadapan. Perkara ini boleh difahami menerusi huraian Ibnu Khaldūn berkaitan peringkat-peringkat *daulah*. Walaupun begitu, beliau sendiri menyatakan tidak semua kerajaan bangkit menerusi tolakan *‘asabiyyah*.

⁵ Ia bermaksud kemewahan yang membawa kepada sikap melampau.

menyatakan bahawa bangsa Arab hanya bagus dalam *al-Mulk* (kepimpinan) yang bercirikan agama (Ibn Khaldun, 1978: 12).

4.2. ARNOLD TOYNBEE⁶

Beliau juga mengemukakan peringkat-peringkat tamadun iaitu bermula daripada permulaan sehingga pengakhiran sesebuah tamadun. Peringkat-peringkat tersebut adalah bermula daripada peringkat perkembangan, kemudian peringkat penerusan perkembangan atau pertambahan kekuatan, seterusnya peringkat menghadapi musibah dan ujian luar dan dalam, sehinggalah kepada peringkat perpecahan yang bermula dengan perpecahan di peringkat kepimpinan dan pemerintah, akhirnya peringkat kelemahan dan seterusnya hilangnya tamadun tersebut (Haisyur, 1997: 91). Kesemua peringkat ini mempunyai hubungkait dengan teori cabaran dan tindak balas yang beliau kemukakan iaitu setiap perjalanan pemeringkatan sesebuah tamadun adalah sebagai kesan daripada tindak balas kepada cabaran yang dihadapi oleh tamadun tersebut. Perkara ini diutarakan beliau hasil daripada kajian beliau terhadap beberapa tamadun yang membawa kepada kesimpulan seperti di atas. Antara lain beliau menyimpulkan bahawa semua tamadun yang dikajinya berjalan melalui fasa-fasa yang serupa dalam pertumbuhan, kelangsungan kemajuan dan peningkatan kekuatannya, sama seperti yang ditentukan oleh hukum biologi. Walaupun begitu, beliau berpendapat bahawa keruntuhan sesuatu tamadun bukanlah keburukan mutlak, kerana pengalaman yang pernah dilalui tamadun tersebut akan terkesan kepada tamadun yang baru (Toynbee, AJ, 1946: 251-254).

Toynbee melihat bahawa faktor utama kepada kebangkitan tamadun adalah merupakan gabungan antara faktor luaran dan dalaman. Faktor luaran adalah cabaran itu sendiri manakala tindak balas pula merupakan faktor dalaman. Pengkaji melihat bahawa pandangan ini menunjukkan bahawa beliau meletakkan manusia merupakan faktor yang penting dalam perkembangan sesebuah tamadun manakala cabaran-cabaran yang mendatang pula menurut beliau adalah suatu yang pasti dilalui oleh mana-mana tamadun. Ia berdasarkan pandangan beliau yang menyatakan bahawa setiap makhluk bernyawa akan berhadapan dengan faktor-faktor yang membawa kepada kehancuran dan faktor-faktor yang menguatkan. Perkara ini diperkuhkan dengan pandangan beliau yang agak selari dengan konsep yang diutarakan al-Qurān, iaitu penguasaan manusia terhadap kebendaan dalam bentuk ketinggian teknologi bukan merupakan dalil kepada ketinggian sesebuah masyarakat, sebaliknya ketinggian yang sebenar dalam tamadun adalah merujuk kepada ketinggian rohani. Manakala berkaitan kejatuhan tamadun pula beliau berpandangan bahawa kejatuhan itu beriringan dengan kerosakan yang bersarang dalam diri manusia sehingga terserlah dalam tingkah laku dan perlakuan mereka sehingga

⁶ Beliau merupakan Arnold Joseph Toynbee, seorang Inggeris lahir pada tahun 1889 dan meninggal dunia pada 1979. Pemilihan beliau dalam kajian ini sebagai mewakili teori daripada tokoh barat yang mempunyai keselarian dengan kajian ini. Antaranya adalah disebabkan tulisan besar beliau dalam '*A Study Of History*' berkenaan jatuh dan bangun tamadun serta teori tentangan dan cabaran beliau yang mirip dengan konsep cabaran-cabaran yang perlu dilalui manusia menerusi sunnah Allah berkaitan kebangunan atau kejatuhan tamadun.

mengambil tempat segala sifat baik yang pernah menjadi faktor yang menolak kepada kebangkitan tamadun pada zaman sebelumnya. Pada peringkat ini kejahatan menguasai segala perkara dalam kehidupan masyarakat bertamadun tersebut (^cAbud, 1981: 49).

4.3. MALEK BENNABI⁷

Malek Bennabi juga merupakan tokoh yang mengutarakan teori berkaitan pemeringkatan pencapaian tamadun. Antara pandangan beliau adalah terdapat beberapa peringkat yang akan dilalui oleh sesebuah tamadun. Antara peringkat tersebut adalah bermula dengan peringkat roh yang merupakan peringkat permulaan dalam pembangunan tamadun. Antara ciri peringkat ini adalah terserlahnya pemikiran beragama dalam sesebuah masyarakat. Beliau menyatakan bahawa ini adalah sebagai peringkat manusia berada dalam keadaan terbaik. Bahkan beliau menganggap bahawa ia merupakan zaman kegemilangan tamadun bagi mana-mana masyarakat. Ia bukan disebabkan kegemilangan dalam aspek kebendaan tetapi disebabkan ketika itu umat menikmati kekuatan secara berjamaah yang bergerak. Peringkat kedua pula bermula dengan timbulnya beberapa petanda negatif dalam masyarakat dan lahir beberapa penyelewengan akidah. Pada peringkat ini dapat dilihat kelahiran elemen-elemen negatif dalam masyarakat seperti kezaliman, wujud sifat individualistik dan sebagainya. Beliau mengemukakan contoh yang pernah dilalui oleh tamadun Islam yang menggambarkan peringkat ini iaitu zaman ^cAbbāsiyyah. Pada zaman ini boleh dilihat berlaku beberapa siri pemberontakan di timur Farsi. Dalam masa yang sama terzahir kelemahan, penyelewengan dalam pemerintahan. Peringkat ketiga pula digambarkan beliau sebagai peringkat perpecahan jiwa dan penguasaan nafsu syahwat. Ia merupakan peringkat kejatuhan dan kehancuran tamadun. Pada ketika itu tiada faktor yang menjurus ke arah pembangunan tamadun. Apa yang berlaku ialah sikap individualistik sangat berleluasa dalam masyarakat. Ia boleh dilihat menerusi antara ciri utama peringkat ini iaitu penguasaan keinginan individu dan bebasnya nafsu daripada penguasaan akhlak dan nilai serta lerainya hubungan antara individu dan masyarakat (Haisyur, 1997: 114-115). Kesemua peringkat ini menggambarkan bagaimana sikap manusia berubah dengan sebab-sebab yang melingkungi persekitaran mereka sehingga akhirnya ia menjadi sebab kepada kebangkitan atau kejatuhan sesebuah masyarakat.

5.0. KONSEP-KONSEP ASAS PERATURAN SEBAB DAN MUSABAB DALAM KONTEKS KEBANGKITAN DAN KEJATUHAN MASYARAKAT

⁷ Beliau merupakan Malik Bin Nabi atau pun sesetengah penulis menulis sebagai Malek Bennabi, lahir pada tahun 1905 dan meninggal dunia pada 1973. Karya-karya beliau agak lambat memasuki pasaran dunia Islam disebabkan kebanyakan karya asalnya adalah dalam Bahasa Perancis dan mengambil masa untuk diterjemahkan ke dalam Bahasa Arab untuk dinikmati oleh dunia Islam. Pemilihan teori beliau dalam kajian ini memandangkan ia sangat selari dengan kajian sepertimana dibincangkan di atas iaitu antara lainnya beliau banyak mengkaitkan persoalan agama dengan aspek sains sosial, terutamanya berkaitan sejarah, psikologi sosial dan sebagainya di samping tumpuan beliau terhadap persoalan berkaitan kejatuhan dan kebangkitan tamadun, khususnya tamadun Islam.


5.1. MAŞLAHAH DI SEBALIK SEBAB DAN MUSABBAB

Secara umumnya, konsep asas sebab dan *musabbab* mempunyai kaitan dengan konsep *maşlahah* iaitu jaminan *maşlahah* (kepentingan umum) dan penolakan mudarat yang merupakan tujuan syariat diturunkan. Perkara ini boleh dilihat melalui pandangan al-Shātibī (1969, j.1: 162) seperti berikut:

“Setiap sebab yang disyariatkan padanya, terdapat maşlahah yang disebabkan maşlahah tersebut ia disyariatkan. Sekiranya didapati daripada sebab tersebut terserlah mafsadah maka ia bukan suatu yang berpunca daripada sebab yang disyariatkan tersebut. Dan tidaklah sesuatu sebab itu ditegah oleh syarak melainkan padanya terdapat mafsadah yang disebabkan mafsadah tersebut ia ditegah. Sekiranya didapati daripada sebab tersebut terserlah maşlahah, maka ia bukan suatu yang berpunca daripada sebab yang ditegah tersebut”.

Berdasarkan penelitian terhadap nas-nas serta pandangan sarjana berkaitan persoalan jatuh dan bangun masyarakat, maka dapat diketengahkan bahawa peraturan sebab dan musabab di sebalik jatuh dan bangun masyarakat juga berlegar dalam sempadan masalahah sepertimana dalam ilmu Usul Fiqh. Perkara ini boleh difahami menerusi nas-nas al Quran yang berkenaan serta diperkuatkan dengan pandangan para sarjana seperti tersebut di atas. Di sini dikemukakan dua situasi yang dijelaskan al-Qurān sebagai contoh seperti berikut:

Situasi pertama ialah al-Qurān menjelaskan berkenaan kisah kehancuran kerajaan silam dalam surah al-Isrā’ ayat ke 16-17 yang berlaku disebabkan oleh kefasikan yang dilakukan oleh golongan *mutrafūn* sepertimana digambarkan dalam 2 ayat berikut:




Maksudnya:

“Dan jika Kami hendak membinasakan sesuatu negeri, maka Kami perintahkan kepada orang-orang yang hidup mewah di negeri itu (supaya mentaati Allah) tetapi mereka melakukan kedurhakaan dalam negeri itu, maka sudah sepantasnya berlaku terhadapnya perkataan (ketentuan Kami), kemudian Kami hancurkan negeri itu sehancur-hancurnya. Dan berapa banyak kaum sesudah Nūh telah Kami binasakan. Dan cukuplah Tuhanmu maha mengetahui lagi maha melihat dosa hamba-hambanya”

Ayat di atas merupakan antara ayat yang menceritakan perkara yang telah dilalui oleh generasi terdahulu melalui penjelasan bahawa kehancuran akan dikenakan kepada golongan tersebut serta mereka yang redha dengan golongan tersebut. Dalam masa yang sama juga al-Qurān mengemukakan situasi kedua yang bertentangan dengan situasi

pertama di atas yaitu nas-nas yang menjelaskan sebab-sebab kepada kejayaan dalam pembinaan masyarakat, antaranya, firman Allah:



Maksudnya:

“Jikalau sekiranya penduduk-penduduk negeri-negeri beriman dan bertaqwa, pastilah Kami akan melimpahkan kepada mereka berkat dari langit dan bumi....”

(al-Qurān; al-A^crāf: 96)

Di dalam kedua-dua situasi yang dikemukakan al-Qurān di atas, ia menjelaskan kepada kita berkenaan konsep sebab dan *musabbab* yang dibahaskan ini melalui dua bentuk sebab yang membawa kepada dua implikasi berbeza. Sebab pertama sepertimana keterangan ayat 16 dan 17 daripada Surah al-Isrā’ di atas adalah merupakan penjelasan sebab yang membawa kehancuran dan sebab kedua sepertimana keterangan dalam ayat ke 96, Surah al-A^crāf merupakan sebab yang membawa kepada kejayaan dan mengelak kehancuran. Dalam keterangan ayat 16 dan 17, surah al-Isrā’ di atas, sebab yang membawa kepada kehancuran sepertimana dijelaskan adalah merupakan sebab yang tidak *shar^ct*⁸ iaitu sebab atau amalan perbuatan yang tidak disuruh oleh syarak itu sendiri. Kesan atau *musabbab* daripada perlakuan sebab yang tidak *shar^ct* ini membawa kepada *mafsadah* yang merupakan lawan kepada *maṣlahah* iaitu kehancuran. Manakala dalam keterangan ayat 96, surah al-A^crāf di atas pula, sebab yang dijelaskan dalam nas-nas tersebut merupakan sebab yang *syar^ct* manakala kesan atau *musabbab* daripada sebab ini jelas membawa kepada jaminan kejayaan dan terhindarnya kehancuran daripada manusia. Ia secara jelas menggambarkan telah berlaku aplikasi konsep *maṣlahah* dalam peraturan ini.

Berdasarkan keterangan di atas, segala suruhan Allah dalam al-Qurān yang menyeru kepada penghayatan sebab kepada kejayaan adalah bersifat *maṣlahah* iaitu mendatangkan kebaikan kepada manusia sepertimana segala suruhan Allah yang lain. Manakala sebaliknya iaitu larangan daripada melakukan perkara yang membawa kepada kehancuran bersifat sebaliknya iaitu *mafsadah* yang mendatangkan keburukan kepada manusia sepertimana segala larangan Allah yang lain.

5.2. SEBAB DAN MUSABAB MERUPAKAN PERATURAN YANG BERSIFAT MENYELURUH (*SHUMUL*) DAN TETAP (*THABAT*)

5.2.1. MENYELURUH (*SHUMUL*)

Menyeluruh di sini bermaksud bahawa peraturan ini meliputi setiap sesuatu di alam ini. Dari sudut kaitannya dengan jatuh dan bangun sesebuah masyarakat, ia antara lainnya merujuk kepada bahawa anugerah kejayaan atau kehancuran adalah meliputi seluruh manusia tanpa mengira mereka adalah muslim atau kafir. Ia pasti berlaku selagi mana

⁸ *Shar^ct* bermaksud menepati syariat.

syarat-syarat dan sebab-sebab yang berkenaan ditepati. Antaranya perkara ini dijelaskan menerusi firman Allah seperti berikut:



Maksudnya:

“Semuanya kami berikan (sama ada mukmin atau kafir) daripada pemberian tuhanMu. Dan tidaklah pemberian Allah itu terhalang.”

(al-Qurān; al-Isrā’: 20)

Nas di atas menunjukkan kejayaan dalam aspek kebendaan mampu dicapai oleh mana-mana manusia yang memahami *Sunnah al-Kauniyah* (peraturan alam) dan dalam masa yang sama menggunakannya bagi membangunkan kehidupan mereka (Haisyur, 1997: 22). Perkara ini merupakan antara peraturan yang ditetapkan Allah bagi memastikan manusia dapat menguasai dunia tanpa mengira kedudukan agama mereka.

Situasi yang dapat dilihat pada hari ini iaitu fenomena pencapaian dari sudut kebendaan yang dikecapi barat merupakan gambaran kepada betapa menyeluruhnya perjalanan peraturan ini. Realiti yang berlaku ialah mereka mendahului pencapaian dunia Islam pada hari ini dari sudut kemajuan kebendaan walaupun hakikatnya kekufuran menjadi asas kepada tamadun mereka. Ia berlaku disebabkan mereka menghayati sebab-sebab tertentu yang menyumbang kepada pencapaian tersebut, sebagai contohnya mereka begitu bersungguh-sungguh dalam melakukan sebab-sebab yang membawa kepada pencapaian yang tinggi dari aspek kebendaan seperti dalam aspek membongkar rahsia alam (dari sudut sains dan teknologi), memartabatkan ilmu (berkaitan kebendaan) dan sebagainya.


Walaupun begitu, dari sudut yang lain, barat tidak dapat lari daripada kehancuran yang ditentukan Allah terhadap golongan yang melakukan sebab-sebab ke arah itu menerusi banyak kezaliman yang telah mereka lakukan pada hari ini. Realiti yang berlaku ialah masyarakat mereka sedang menuju kepada kehancuran dengan menghadapi azab seperti masalah jiwa yang tidak tenteram, kecelaruan pemikiran, kekosongan jiwa serta penyakit-penyakit kronik di kalangan masyarakatnya (al-Sharif, 1994: 23). Apa yang kita lihat daripada kehebatan barat hari ini dalam aspek kemajuan kebendaan mereka hanyalah gambaran luaran terhadap tamadun itu sahaja. Disebabkan itu, terdapat banyak penulisan sarjana barat hari ini, antaranya Zig Ziglar dalam bukunya ‘*Staying Up, Up, Up in a Down, Down World*’ yang menggambarkan kesedaran masyarakat barat tentang keruntuhan budaya cara hidup mereka dan betapa perlunya mereka kembali kepada ajaran agama iaitu kristian dalam membina semula peradaban mereka (Mohd. Ridhuan Tee, 2005: 3).

5.2.2. TETAP (*THABAT*)

Thabāt di sini bermaksud bersifat tetap dan tidak akan berubah. *Thabāt* dalam tulisan ini dimaksudkan sebagai keterikatan antara sebab dengan *musabbab* atau keterikatan antara *‘illah* dengan *ma‘lūl*. Keterikatan antara keduanya itu dengan ikatan yang bersifat *darūrī* (suatu kemestian), ia tidak akan terputus melainkan dengan kehendak Allah. Melalui kebijaksanaan Allah telah diputuskan setiap sesuatu peristiwa yang berlaku mempunyai

sebab-sebab yang membawa kepada berlaku peristiwa tersebut. Begitu juga bagi setiap *ma'āl* di sebaliknya ada *'illah*.

Ciri *thabāt* ini memberi implikasi bahawa setiap suatu di alam ini tidak mungkin berjalan secara tidak sistematik atau bergerak tanpa sebab, bahkan setiap sesuatu sama ada alam *al-Kauniyah* atau manusia dan tamadunnya telah ditetapkan kadarnya dan setiap pergerakannya adalah berlandaskan peraturan tertentu yang bersifat tetap. Ia juga secara tidak langsung menafikan bahawa setiap sesuatu berlaku atau terjadi dengan sendiri (Kan'an, 1990: 70). Firman Allah:



Maksudnya:

“Tiadalah yang mereka nanti-nantikan melainkan (berlakunya) sunnah (Allah yang telah berlaku) kepada orang-orang yang terdahulu. Maka sekali-kali kamu tidak akan mendapat penggantian bagi Sunnah Allah (peraturan Allah), dan sekali-kali tidak (pula) akan menemui penyimpangan bagi Sunnah Allah itu”

(al-Qurān; Fāṭir: 43)

Melalui peraturan sebab musabab yang bersifat *thabāt* ini, ia dapat membantu manusia dalam melaksanakan tugas khalifah di bumi (Kan'an, 1990: 70). Dengan adanya sifat *thabāt* ini juga memudahkan manusia dalam memahami dan memanfaatkan peraturan ini serta mengikuti atau mengaplikasikannya dalam kehidupan mereka. Ini adalah disebabkan sekiranya peraturan ini tidak bersifat tetap atau tidak wujud, tentu telah berlaku kacau-bilau terhadap alam. Antara lain implikasi yang dapat dilihat ialah setiap sesuatu di alam ini termasuk bumi dan manusia itu sendiri berjalan tanpa sistem dan penyusunan. Setiap makhluk bergerak tanpa sebarang panduan. Dalam keadaan seperti ini, mana mungkin manusia boleh membangun dan mentadbir alam yang bersifat berubah-ubah dan yang bersifat kacau-bilau tanpa mengikuti sebarang sistem. Berhubung perkara ini, dari aspek jatuh dan bangun sesebuah masyarakat, ia juga tertakluk kepada sistem yang bersifat tetap ini. Antara lainnya, kejatuhan masyarakat berkait rapat dengan kejatuhan akhlak manakala ketinggiannya berkait rapat dengan ketinggian akhlak.

6.0. TIPS-TIPS PEMBINAAN MASYARAKAT YANG BERJAYA BERASASKAN KONSEP SEBAB DAN MUSABAB

6.1. AQIDAH SEBAGAI ASAS

Peraturan sebab dan musabab ini mendidik manusia dengan persoalan aqidah. Antara lain ia mengajar bahawa peraturan ini berlaku dengan kehendak Allah. Ia secara tidak langsung memperingatkan manusia bahawa penguasa dan pengatur kepada peraturan ini adalah Allah. Sebagai penguasa dan pengatur kepada peraturan ini, di tangan Allahlah penentuan kejayaan atau kegagalan sebab-sebab yang telah dilakukan makhluknya. Sebarang keputusan yang berlaku pastinya sebagai tanda pengenalan Allah terhadap sifat-sifat kemuliaannya yang antara lainnya adalah sifat maha adil. Di samping itu, sebagai pengatur dan penguasa kepada peraturan ini juga, Allah berupaya untuk mengadakan

'*special case*' dalam keadaan-keadaan tertentu, dengan menjadikan musabab yang tidak selari dengan sebab. Contohnya boleh dilihat menerusi pelbagai kisah menarik adat yang telah menjadi sejarah berlaku terhadap para rasul dan golongan beriman seperti peristiwa api tidak membakar batang tubuh Nabi Ibrahim, peristiwa Nabi Musa membelah lautan dengan tongkatnya sehingga terbentuk lorong-lorong yang boleh dilalui manusia merentasi lautan dalam dan sebagainya. Kesemua ini sebagai penegasan bahawa, terdapat pengatur agung iaitu Allah yang tidak boleh diketepikan dalam usaha menghayati peraturan sebab dan musabab ini. Oleh kerana itu, aqidah perlu menjadi asas dalam membangunkan sesebuah masyarakat. Ia secara tidak langsung mendidik masyarakat yang berprinsip dan mempunyai pegangan yang teguh dalam mendepani cabaran kehidupan.

6.2. KEPERLUAN PERENCANAAN DAN STRATEGI

Peraturan ini mengajar bahawa segala perkara yang berlaku, bahkan perkara yang sedang kita lalui adalah berlaku dengan sebab-sebab yang tertentu dan bukan berlaku secara spontan. Apa-apa yang berlaku hari ini, ada perkaitan dengan apa yang telah berlaku atau yang telah kita lakukan sebelum ini. Sepertimana perkara yang akan berlaku pada masa depan juga mempunyai perkaitan dengan apa yang sedang kita lakukan hari ini. Oleh kerana itu, pengetahuan dan kesedaran tentang peraturan sebab-musabab ini membantu kita untuk merancang dan membina kehidupan dengan baik. Ia secara tidak langsung menunjukkan kehebatan ilmu dan kekuasaan Allah dalam memandu kehidupan manusia sebagai khalifah di dunia, di samping mengajar kita tentang sifat Allah sebagai maha agung dan maha bijaksana dalam menyusun dan mentadbir alam ini dengan sistem bersifat tetap dan konsisten. Oleh itu, dalam konteks pembinaan masyarakat, persediaan dan strategi merupakan perkara yang tidak boleh dielakkan.

6.3. KEPERLUAN HUBUNGAN YANG KUKUH DENGAN ALLAH

Peraturan ini juga mengajar kita bahawa jangan tinggalkan Allah dalam usaha menggapai musabab. Antara sebab kegagalan dalam mencapai sesuatu yang diharapkan adalah disebabkan kita lupa sebab yang besar di sebalik sebab-sebab yang lain iaitu meninggalkan Allah dan melupai kekuasaanNya dalam menentukan segala sesuatu. Perkara ini telah banyak diperingatkan al-Quran menerusi kisah-kisah umat yang telah dihancurkan pada zaman silam. Mereka hancur bukan disebabkan mereka gagal melakukan sebab-sebab untuk mempertahankan kekuasaan mereka, seperti kaum Ad, Thamud, tamadun Firaun dan sebagainya, bahkan kemungkinan usaha mereka lebih hebat daripada usaha manusia zaman sekarang dalam mengejar kehebatan. Tetapi oleh kerana mereka melupakan Allah dengan melakukan perkara-perkara yang tidak diredhaiNya, lalu Allah datangkan kehancuran kepada mereka sehingga segala sebab-sebab yang mereka lakukan untuk mengukuhkan kehebatan mereka tidak mampu untuk menghalang ketentuan Allah. Perkara ini boleh dilihat disentuh oleh al-Quran dalam banyak tempat bagi menunjukkan kepentingannya dalam pembinaan masyarakat itu sendiri.

6.4. KEPERLUAN MERUJUK KEPADA PANDUAN ALLAH

Peraturan ini mengajar kita berkenaan keperluan merujuk panduan yang telah ditunjukkan Allah menerusi wahyunya berkenaan sebab-sebab untuk berjaya bagi diikuti dan

dilakukan oleh kita. Secara umumnya panduan Allah menunjukkan bahawa untuk berjaya, terdapat akhlak-akhlak tertentu yang perlu dihayati manakala untuk gagal juga terdapat akhlak-akhlak buruk yang dapat membawa kepada kegagalan bahkan kehancuran. Manakala untuk berjaya di akhirat akhlak-akhlak yang menjadi sebab kepada kejayaan tersebut perlu disertai dengan keimanan yang benar kepada Allah.

Berhubung akhlak-akhlak yang menyumbang kepada kejayaan dan kegagalan ini. Al-Quran tidak memperincikannya secara mendalam sebaliknya al-Quran mengemukakan kaedah-kaedah umum sebagai panduan kepada manusia (Yalijin, 1973: 277-285). Antara panduan umum itu sebagai contohnya dalam aspek kejayaan, dikemukakan prinsip keadilan, ihsan, amanah dan sebagainya yang dipetik daripada-daripada nas-nas yang sahih, yang bersifat umum, terbuka untuk lapangan ijtihad. Manakala kegagalan pula dikemukakan prinsip kezaliman, ketidak-adilan dan sebagainya⁹.

Walaupun yang demikian, penelitian terhadap persoalan kejayaan pembinaan masyarakat secara umumnya menunjukkan ia bertitik-tolak daripada asas yang satu iaitu keperluan pembentukan masyarakat yang berteraskan iman dan amal soleh atau dalam istilah lain yang memberikan maksud yang sama iaitu hamba Allah yang soleh (العباد الصالح)¹⁰. Oleh itu, boleh disimpulkan di sini bahawa kriteria utama mereka yang berkeupayaan untuk membangunkan masyarakat adalah manusia yang beriman dan beramal soleh atau kriteria sebagai hamba Allah yang soleh. Penjelasan ini secara tidak langsung menunjukkan sebab-sebab yang ditunjukkan Allah kepada kita yang dapat membantu dalam pembinaan masyarakat yang berjaya.

7.0. KESIMPULAN

Kesimpulannya peraturan sebab dan musabab ini adalah merupakan panduan yang dikemukakan Allah kepada manusia bagi membantu mereka untuk membangunkan masyarakat mengikut acuan Allah seterusnya membawa kepada terjaminnya kejayaan di dunia dan akhirat. Selain daripada itu, peraturan ini juga mendedahkan hakikat betapa kerdilnya kita sebagai makhluk, dan betapa maha berkuasanya Allah. Secara tidak langsung Allah mengingatkan siapakah kita? dan siapakah Allah? Dalam masa yang sama juga ia menunjukkan betapa setiap usaha yang dilakukan manusia dalam membangunkan masyarakat perlu berada dalam sempadan yang telah ditentukan Allah. Sebarang kealpaan atau penyelewengan daripada sempadan ini bakal membawa masyarakat terjerumus kepada kehancuran. Inilah dia intipati konsep sebab dan musabab sepertimana telah dijelaskan di atas.

⁹ al Quran dan al Hadith hanya memperincikan perkara berkaitan akhlak yang berkenaan hubungan antara manusia dan Allah iaitu dalam aspek yang disebutkan sebagai Ibadah khusus seperti akhlak dalam solat, puasa dan sebagainya. Dalam bahagian ini, nas-nas al-Quran dan al-hadith ini kebanyakannya merupakan nas-nas yang bersifat qat'ie iaitu tetap dan khusus dan tiada ruang ijtihad padanya. Manakala dalam aspek berkaitan hubungan manusia dengan masyarakat seperti akhlak pemimpin, akhlak masyarakat, akhlak seorang pekerja dan sebagainya tidak diperincikan, bahkan al-Quran dan al-Hadith hanya mengemukakan kaedah-kaedah umum.

¹⁰ Hamba Allah yang soleh ini disebutkan dalam banyak tempat di dalam al-Qurān, antaranya disebutkan dalam bentuk *al ism* (kata nama) seperti (عبادي الصالحون) hamba yang soleh, (القوم الصالحين) kaum yang soleh dan (الصالحين) golongan yang soleh. Ia juga disebutkan dalam bentuk *al fi'l* (kata perbuatan) seperti (عمل) (عملوا الصالحات) beramal soleh. Secara umumnya kesemua perkataan berkaitan dengannya merujuk kepada golongan yang dijanjikan kejayaan atau golongan yang digambarkan sebagai golongan yang berjaya oleh Allah dan dalam sebahagian tempat dikaitkan dengan golongan yang dijanjikan pewarisan tamadun dunia serta gelaran kepada golongan pembina tamadun yang disebutkan dalam al-Qurān di kalangan para rasul dan pengikut mereka.

RUJUKAN

- Abu Zahrah, Muhammad (1957) *Usul al-Fiqh*. Mesir: Matba'ah Mukhaimar.
- Al-Amidi, Saif al Din Abi al Hasan Ali Ibn Abi Ali Ibn Muhammad. (1980) *Al-Ihkam Fi Usul al Ihkam*. Beirut: Dar al Kutub al Ilmiyah.
- al-Qurtūbī, Abū °Abdullah Ibn Mūhammad Ahmad al-Anṣārī, (1987) *al-Jami° Li Ahkām al Qurān* , j. 4, Mesir: al-Hai'ah al-Maṣriyyah al-°Ammah Li al-Kitāb.
- al-Sharīf, °Abd al-Salām Bin Nasrullāh (1994) *Sunnatullah Fī °Iqāb al-Umam Fī al- Qurān al-Karīm* . Riyāḍ: Dār al-Ma°arīf.
- Al-Syatibi, Abi Ishak Ibrahim Ibn Musa al Lahmi al Gharnatiy. (1969) *Al-Muafaqat Fi Usul al-Ihkam*. Kaherah: Maktabah Wa Matba'ah Ali Sobih wa auladuhu.
- °Abūd, °Abd al-Ghanī (1981) *al-Ḥaḍārah al-Islāmiyah wa al-Ḥaḍārah al-Mu°aṣīrah: Silsilah al-Islam Fī Tahaddiyat al-°Aṣri*, kitāb ke 12, c. 1, t.tpt.: Dār al-Fikri al-Arabī.
- Haishūr, Muhamad (1997), *Sunan al-Qurān Fī Qiyam al-Hadhārat wa Suqutihā*, c. 1. Mansūrah: Dar al-Wafā'.
- Ibnu Kathīr, al-Ḥāfīz °Imad al-Dīn Abī al-Fidā' °Ismā°il (1991), *Tafsīr al-Qurān al-°Azīm*, cet. 2, Beirut: Dār al-Khair.
- Ibnu Khaldūn (1978), *al-Mukhtār Min al-Turāth al-°Arabī: Min Muqaddimah Ibni Khaldūn: al-Siyāsah wa al-Iqtisād*, Suhail Uthman & Muhammad Darwish (Tahqīq), Damshik: Mansurat Wizārat al-Thaqāfah wā al-Irsyād al-Qaumī.
- Ibrahim, Abdul Rahman (1999) *Ilmu Usul al-Fiqh*. Jordan: Maktabah Dar al Thaqafah li al Nasyr wa al Tauzi'.
- Kan°an, Ahmad, (1990), *Azmatunā al-Ḥaḍārīah Fī Ḍhau' Sunnatillah fī al-Khalq*, t.tp.: Dār al-Nafā°is.
- Majīd, °Abd al-Mun°im (1983), *al-°Umrān, Nazoriyah Li Ibni Khaldūn Fī Tafsīr al-Tārīkh.: Buhūth Fī Tārīkh al-Ḥaḍārah al-Islāmiyah*, Dalam *Majmū°ah al-Buhūth Ulqiyat Fī Nadwah al-Ḥaḍārah al-Islāmiyyah Fī Zikri al-Ustaz al-Doktor Ahmad Fakri*, t.tp.: Mu°assasah Shabāb al-Jāmi°ah al-Iskandariyyah.

- Mohd. Ridhuan Tee Abdullah (2005), *Gambaran Pengaruh Budaya Barat Dalam Kehidupan Belia-Remaja*. Kertas Kerja Seminar Islam Ḥaḍārī: Kefahaman Mengenai Kehidupan Berkualiti Khusus Bagi Belia Dan Remaja Anjuran IKIM, Kuala Lumpur: 16-17 Julai 2005.
- Sayyid Qutb (1992), *Fī Zīlāl al-Qurān*, c. 17, Qāhirah: Dār al-Shuruq.
- Toynbee, A.J. (1946), *A Study of History*, London: Oxford University Press.
- Yalijin, Miqdād (1973), *al-Ittijāh al-Akhlāqī Fī al-Islām (Dirāsah Muqāranah)*, c. 1, Mesir: Maktabah al-Khanājī. Mesir.
- Zaidān, Abd al-Karīm (1994), *al-Sunan al-Ilāhiyyah Fī al-Umam wa al-Jamā'at wa al-Afrād Fī al-Syarī'ah al-Islāmiyyah*, c. 3, Beirut: Mu'assasah al-Risālah.